



BULETIN

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
NEGERI SEMBILAN

EDISI 1 (MAC 2018)

PERHIMPUNAN BULANAN SUKNS

Seremban 08 Jan 2018 - Perhimpunan Bulanan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan Bil 1/2018 Telah diadakan di I Dewan Theatre, Wisma Negeri. Antara yang hadir adalah Setiausaha Kerajaan Negeri, Exco-Exco Kerajaan Negeri, ketua-ketua jabatan dan kakitangan awam Negeri Sembilan Darul Khusus. Perhimpunan dimulakan dengan menyanyikan lagu Negaraku bersama – sama dengan kumpulan koir dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, seterusnya, bacaan doa dan perhimpunan diakhiri dengan bacaan ikrar perkhidmatan awam. Disamping itu, penyerahan replika cek penghargaan kepada jabatan-jabatan yang mendapat Anugerah Pengurusan Kewangan yang baik untuk tahun 2017. Disamping itu juga majlis disempurnakan dengan acara penyerahan cek bonus untuk semua jabatan.





KARNIVAL MEMANCIING DAN TARIK TALI

Kuala Pilah, 14&15 Jan 2018 - Seperti tahun-tahun yang lepas, pelbagai program dan acara diadakan sempena Hari Keputeraan D.Y.M.M Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir yang ke-70.

Di dalam program tersebut, Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sembilan telah menganjurkan Pertandingan Tarik Tali dan Karnival Pancing Seri Menanti. Karnival ini juga menawarkan hadiah berupa wang tunai bernilai RM 11,000.00 serta beberapa hadiah bagi cabutan bertuah.

Pertandingan Tarik Tali dan Karnival Pancing Seri Menanti merupakan program yang telah disenaraikan di dalam program tahunan Jabatan. Antara yang hadir adalah, Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri Tuan Ir.Rozman bin Mohamad, Pegawai Daerah Kuala Pilah, Tuan Syahrul Nizam bin Saleh serta urusetia pelbagai agensi.

Karnival ini telah dirasmikan oleh Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri dan Karnival yang tamatkan dengan bunyi siren oleh D.Y.M.M Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir dan seterusnya menyempurnakan majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang.






TAKLIMAT SELF REGULATION IN EROSION & SEDIMENT CONTROL PLAN (ESCP)

Seremban 17 Januari 2018 - Telah berlasung satu taklimat mengenai 'Self Regulation In Erosion & Sediment Control Paln (ESCP). Taklimat ini adalah bertujuan untuk memberi pendekatan Jabatan kearah penyediaan pelan, pemantauan dan penyelenggaraan komponen - komponen kawalan hakisan dan kelodak semasa projek dilaksanakan.

Taklimat ini telah disampaikan oleh Ir. Asnol Adzhan B. Abd Manap dari Bahagian Saliran Mesra Alam JPS Malaysia.





MESYUARAT PERLARASAN PROGRAM PEMBANGUNAN LEMBANGAN SUNGAI BERSAMA JPS NEGERI SELURUH MALAYSIA



Seremban 5 Mac 2018 - Bertempat di Bilik Mesyuarat Kenanga, Wisma Negeri, telah berlansungnya Mesyuarat Perlarasan Program Pembangunan Lembangan Sungai Bersama JPS Negeri di seluruh Malaysia.

Mesyuarat ini telah dipengeruikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia, iaitu Tuan Ir. Hj. Abdullah B. Isnin.



MESYUARAT KELAB SUKAN DAN SOSIAL JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SEMBILAN



Seremban 20 Mac 2018 - Bertempat di Dewan Theattrete, Wisma Negeri, Seremban, telah di adakan Mesyuarat Agung Kelab Sukan & Sosial Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan kali ke-32 telah diadakan pada jam 8.30 pagi.

Mesyuarat tersebut telah dirasmikan oleh Pengarah JPS Negeri Sembilan Tn. Ir. Rozman B. Mohamad. Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku dan diteruskan dengan bacaan doa yang diketuai oleh En. Mohd Zaidi B. Nai.

Majlis turut diserikan dengan majlis penyampaian sumbangan kepada anak-anak ahli yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan UPSR, PMR dan SPM.

Mesyuarat bermula pada jam 10.00 dan dipengerusikan oleh Presiden Kelab iaitu Tn. Ir. Rozman B. Mohamad. Mesyuarat yang berakhir pada pukul 11.30 pagi dan diakhiri dengan cabutan bertuah.



SIDANG REDAKSI 2018

PENASIHAT

Ir. Rozman B. Mohamad

EDITOR

Puan Wan Syamsafariza Izawane Bt Wan Mohd Fikri

PENOLONG EDITOR

Suryati Bt Rosli

JURUFOTO

Encik Muhamad Nurafizan bin Wagi

DITERBITKAN OLEH

Bahagian Operasi
Jabatan Pengairan & Saliran Negeri Sembilan